



15 September 2017
15 September 2017
P.U. (A) 263

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 4) 2017

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 4) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 4) 2017.**

- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 September 2017.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) Kemudahan Pembiayaan Berjangka-i Komoditi Murabahah yang diperoleh oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad:

Dengan syarat bahawa agregat amaun prinsipal belum berbayar di bawah kemudahan pembiayaan itu tidak melebihi lima ratus tiga puluh juta tiga ratus ribu ringgit (RM530,300,000.00); dan

- (b) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan kemudahan pembiayaan yang disebut dalam subsubperenggan (a).

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, surat cara dan dokumen berhubung dengan kemudahan pembiayaan dan jaminan yang disebut dalam